

Masyarakat Bumiputera Bandar Sibul Idamkan Jawatan Timbalan Pengerusi Majlis Perbandaran Sibul
Bername
02 Mei, 2012

SIBU, 2 Mei (Bernama) -- Masyarakat bumiputera di bandar ini meminta kerajaan negeri memperuntukkan jawatan Timbalan Pengerusi Majlis Perbandaran Sibul (MPS) kepada pemimpin bumiputera bagi memastikan nasib mereka lebih terbela.

Perkara ini dibangkitkan beberapa peserta program "Sepetang Bersama Veteran Sibul" yang diadakan di sebuah hotel di sini semalam dan dihadiri Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan Nangka, Prof Madya Dr Annuar Rapae.

Jawatan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi merupakan lantikan politik yang diwarisi secara turun temurun pemimpin-pemimpin daripada Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) sejak MPS ditubuhkan lebih tiga dekad lalu.

Isu tuntutan ini sebenarnya sudah lama dibangkitkan tetapi belum mendapat perhatian.

Menurut seorang ketua kaum Mohd Ali Serani, 63, salah satu jawatan tertinggi dalam MPS yang merupakan agensi pembuat dasar perlu diberikan kepada pemimpin bumiputera.

-- BERNAMA

---BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=663163>